



**PENUTUP SEMENTARA CAWANGAN SEREMBAN BERIKUTAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
DI SELURUH DAERAH SEREMBAN BERMULA 9 JULAI 2021 SEHINGGA 22 JULAI 2021**

1. Susulan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di seluruh daerah Seremban, Negeri Sembilan bermula 9 Julai 2021 sehingga 22 Julai 2021, dimaklumkan bahawa CBP cawangan Seremban akan ditutup sementara dalam tempoh tersebut. Namun, sekiranya terdapat perkembangan terkini, pengumuman pembukaan cawangan ini akan dimaklumkan kelak.
2. Para pelanggan masih boleh melakukan transaksi dalam talian melalui laman web CBP di www.cbp.com.my atau melalui aplikasi mobil MyCoopbank atau ke cawangan CBP yang lain yang berdekatan.
3. Kesemua pelanggan adalah **diwajibkan** memakai pelitup muka (face mask) di sepanjang tempoh berurusan di premis-premis CBP.
4. CBP komited di dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kekal berada di tahap yang terbaik pada setiap masa. Bagi sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CBP melalui emel info@cbp.com.my atau di talian 1-300-88-7650.

Segala kesulitan amatlah dikesali. Terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Transformasi (transformasi@cbp.com.my)
Co-opbank Pertama
8 Julai 2021

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 28 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.